

Soalan No:11

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI]

**TARIKH :** 27.11.2017

**SOALAN :**

**Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan masih menggunakan pakai hukuman gantung sekolah kepada pelajar bermasalah dan adakah terdapat kaedah lain untuk menghukum pelajar dari mengelak mereka digantung sekolah agar mereka meneruskan pembelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman gantung persekolahan merupakan salah satu hukuman yang boleh dikenakan oleh pihak sekolah kepada murid-murid yang telah melakukan kes disiplin yang serius atau kes yang dilakukan secara berulang-ulang. Hukuman gantung persekolahan masih diguna pakai di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh mempertimbangkan hukuman-hukuman lain sebelum hukuman gantung dilaksanakan.

Berikut adalah hukuman yang boleh dikenakan oleh pengetua/guru besar ke atas murid yang didapati bersalah:

### 1. Amaran

Amaran adalah sesuai apabila pengetua/guru besar berpendapat jenis salah laku dan kelakuan murid adalah kurang wajar dikenakan hukuman yang lebih berat lagi

### 2. Denda

Pengetua/ guru besar mempertimbangkan dengan teliti hubungan antara denda dengan kemampuan murid untuk membayar denda itu. Adalah amat penting denda itu tidak dibayar oleh ibu bapa tetapi murid itu supaya dia boleh merasakan bahawa dia telah dihukum.

### 3. Penahanan

Penahanan adalah untuk mengawal murid-murid yang nakal supaya tingkah lakunya pada masa akan datang dapat dipengaruhi dan dibaiki dengan cara menafikannya daripada menikmati dan menggunakan masa lapangnya. Aktiviti semasa penahanan hendaklah merupakan sesuatu yang berfaedah dan membina.

### 4. Rotan

Hukuman rotan adalah sangat berguna dan berkesan apabila dijalankan sebaik sahaja sesuatu tingkah laku dilakukan oleh murid. Hukuman dijalankan dengan menggunakan rotan ringan dan hanya boleh dibuat di tapak tangan atau di bahagian punggung yang dilapik dengan pakaian.